A

SETIA INDAH SDN BHD lwn. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MARIANA YAHYA H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-185-06-2020]
30 MAC 2021

B

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman – Permohonan – Permohonan semakan kehakiman terhadap keputusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ('responden') mengeluarkan notis-notis taksiran – Audit cukai dijalankan terhadap pemohon – Pemohon membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pelepasan unit berstatus Bumiputera – Sama ada sumbangan layak untuk potongan cukai – Sama ada responden berhak mengabaikan peruntukan s. 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan keputusan kes Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri – Sama ada responden bertindak luar bidang kuasanya dalam mengenakan cukai tambahan terhadap pemohon – Sama ada terdapat keadaan khas membolehkan kebenaran memulakan prosiding semakan kehakiman*

C

D

UNDANG-UNDANG HASIL: *Cukai – Pengenaan cukai tambahan – Audit cukai dijalankan terhadap pemohon – Pemohon membuat sumbangan pada Kerajaan Negeri untuk tujuan pelepasan unit berstatus Bumiputera – Sama ada sumbangan layak untuk potongan cukai – Sama ada responden berhak mengabaikan peruntukan s. 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan keputusan kes Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri – Sama ada responden bertindak luar bidang kuasanya dalam mengenakan cukai tambahan terhadap pemohon*

E

F

Pemohon adalah pemaju hartanah di Negeri Johor. Pemohon telah memasuki perjanjian-perjanjian dengan Kerajaan Negeri Johor, antara lain, pemohon bersetuju untuk menjual semua atau mana-mana lot Bumiputera kepada pembeli Bumiputera. Akan tetapi jika pemohon tidak dapat menjual kesemua unit-unit Bumiputera kepada pembeli-pembeli Bumiputera, unit-unit Bumiputera itu dapat dijual dan dilepaskan kepada pembeli bukan Bumiputera sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian-perjanjian dipatuhi ('perjanjian-perjanjian'). Menurut perjanjian-perjanjian, pemohon telah memohon kepada Kerajaan Negeri Johor untuk melepaskan unit-unit perumahan Bumiputera kepada bukan Bumiputera. Pemohon membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor sebagai sumbangan dan Kerajaan Negeri Johor bersetuju menerima sumbangan daripada pemohon. Responden telah menjalankan audit cukai terhadap pemohon dan kemudian mengeluarkan surat penemuan audit bagi taksiran tambahan ('TT') 2014 hingga 2017. Pemohon membalas responden dengan penjelasan yang terperinci. Antara lain, pemohon menjelaskan bahawa sumbangan tersebut adalah pembayaran untuk pelepasan unit berstatus Bumiputera. Responden walau bagaimanapun, menolak penjelasan pemohon. Antara lain, responden

G

H

I

mendakwa bahawa sumbangan tersebut tidak layak untuk potongan cukai kerana ini adalah perbelanjaan modal sebagai hak untuk menjual unit Bumiputera. Pemohon membalas dengan satu surat yang mengekalkan pendirian pemohon bahawa sumbangan tersebut adalah perbelanjaan yang tertakluk kepada potongan bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ('ACP'). Namun, responden tidak menghiraukan penjelasan pemohon dan seterusnya telah mengeluarkan notis taksiran dan notis taksiran tambahan yang dipertikaikan yang keseluruhannya berjumlah RM13,273,903.67. Tidak berpuas hati dengan keputusan responden, pemohon memfailkan permohonan semakan kehakiman mencabar keputusan tersebut, antara lain, atas alasan-alasan berikut: (i) responden gagal menimbangkan bahawa s. 44(6) ACP jelas memperuntukkan bahawa apa-apa hadiah wang yang dibuat dalam tahun asas tersebut kepada suatu Kerajaan Negeri atau suatu pihak berkuasa tempatan boleh dipotongkan bagi tahun tersebut untuk mencapai jumlah pendapatan dan sumbangan tersebut merupakan hadiah bawah peruntukan tersebut; dan (ii) responden gagal mengambil kira keputusan dalam kes *Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri* ('*Sabah Berjaya*').

Diputuskan (membenarkan permohonan pemohon):

(1) Seksyen 44(6) ACP jelas memperuntukkan bahawa apa-apa hadiah wang yang dibuat dalam tahun asas tersebut kepada satu Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan boleh dipotongkan bagi tahun tersebut untuk mencapai jumlah pendapatan. Berdasarkan niat pihak-pihak, jelas, pemohon akan memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor dan sumbangan telah pun diterima oleh Kerajaan Negeri Johor. Tiada dalam mana-mana surat-menyurat antara kedua pihak menyatakan dengan jelas bahawa bayaran/sumbangan yang dibuat oleh pemohon adalah satu denda yang dikenakan atas pemohon. (perenggan 18 & 20)

(2) Mahkamah Rayuan dalam kes *Sabah Berjaya* telah memutuskan isu 'hadiah' bahawa walaupun bayaran telah dibuat bawah tekanan iaitu obligasi kontraktual, ini boleh dibuat secara sukarela, dan oleh itu, adalah satu hadiah dan selari dengan kehendak s. 44(6) ACP. Adalah hujahan pemohon bahawa pengabaian responden putatif dalam memberi kesan kepada perkataan 'hadiah' yang diputuskan dalam kes *Sabah Berjaya* tersebut menunjukkan responden putatif telah bertindak luar bidang kuasanya apabila mengenakan cukai tambahan pada pemohon berdasarkan sumbangan yang dibuat oleh pemohon kepada Tabung Perumahan Bumiputera Negeri Johor. (perenggan 21)

(3) Isu utama dalam kes ini adalah tentang persoalan undang-undang iaitu sama ada responden putatif berhak mengabaikan peruntukan s. 44(6) ACP dan keputusan kes *Sabah Berjaya* yang membenarkan potongan dibuat atas sumbangan dan sama ada responden putatif mempunyai apa-apa asas undang-undang untuk tidak membenarkan tuntutan pemohon untuk penolakan atas sumbangan yang telah dibuat

A oleh pemohon pada Tabung Perumahan Bumiputera Negeri Johor. Terdapat persoalan undang-undang yang menjadi pertikaian untuk ditentukan oleh mahkamah ini khususnya tentang pemakaian s. 44(6) ACP. Pemohon berjaya menunjukkan terdapat keadaan khas untuk membolehkan kebenaran untuk memulakan prosiding semakan
B kehakiman diberi kepada pemohon. (perenggan 22-24)

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak v. Peguam Negara & Ors And Another Appeal [2020] 2 CLJ 73 CA ***(dirujuk)***

Government Of Malaysia & Anor v. Jagdis Singh [1987] 1 CLJ 451; [1987] CLJ (Rep) 110 SC ***(dirujuk)***
C

National Land Finance Co-operative Society Ltd v. Director General Of Inland Revenue [1993] 4 CLJ 339 SC ***(dirujuk)***

R v. Secretary of State for the Home Department, ex parte Rukshanda Begum [1990] Crown Office Digest 109, Dip ***(dirujuk)***

Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri [1999] 3 CLJ 587 CA ***(dirujuk)***
D

Ta Wu Realty Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri & Anor [2008] 6 CLJ 235 CA ***(dirujuk)***

Tuan Hj Sarip Hamid & Anor v. Patco Malaysia Bhd [1995] 3 CLJ 627 SC ***(dirujuk)***

WRP Asia Pacific Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd [2012] 4 CLJ 478 FC ***(dirujuk)***

E **Perundangan yang dirujuk:**

Income Tax Act 1967, ss. 44(6), 99, Schedule 5 para 13

Rules of Court 2012, O. 53 r. 3, O. 92 r. 4

Bagi pihak pemohon - S Saravana Kumar & Nur Hanina Mohd Azhan; T/n Rosli Dahlan Saravana Partnership

Bagi pihak Peguam Negara - Aisaf Falina Abdullah; PKP

F *Bagi pihak responden putatif - Ridzuan Othman; Peguam Negara & Nordiana Sham; Peguam, LHDN*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

G **PENGHAKIMAN**

Mariana Yahya H:

Pengenalan

[1] Ini merupakan permohonan pemohon untuk kebenaran bagi semakan
H kehakiman bagi relief-relief berikut:

(i) Bahawa pemohon diberikan kebenaran oleh mahkamah untuk memfailkan satu permohonon untuk:

(a) Suatu perintah *certiorari* untuk membatalkan keputusan responden dalam bentuk notis taksiran bagi tahun taksiran 2017 dan notis-notis
I taksiran tambahan bagi tahun taksiran ('TT') 2014, 2015 dan 2018 semuanya bertarikh 12 Jun 2020 (keputusan) atas alasan-alasan bahawa keputusan responden tersebut adalah *ultra vires*, menyalahi

undang-undang, tidak sah, bercanggah dengan undang-undang, dan/atau melebihi kuasa serta adalah tidak rasional dan/atau tidak munasabah, dan merupakan penafian jangkaan sah pemohon.

(b) Suatu deklarasi bahawa responden adalah terikat oleh serta perlu memberi kesan kepada s. 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP") yang jelasnya memperuntukkan bahawa apa-apa hadiah wang yang dibuat dalam tahun asas kepada suatu Kerajaan Negeri atau suatu pihak berkuasa tempatan boleh dipotongkan bagi tahun tersebut untuk mencapaikan jumlah pendapatan.

(c) Bahawa semua prosiding-prosiding yang selanjutnya termasuk penguatkuasaan keputusan digantung sehingga keputusan tersebut ditentukan secara penuh dan muktamad.

(d) Bahawa segala arahan dan perintah yang diperlukan dan berasaskan arahan dan perintah tersebut diberikan.

(e) Bahawa kos-kos permohonan ini adalah kos-kos di dalam kausa.

(f) Segala relief-relief lain dan selanjutnya yang dianggap patut dan sesuai oleh mahkamah.

Fakta Ringkas

[2] Pemohon merupakan pemaju harta tanah di Negeri Johor. Aktiviti perniagaan pemohon termasuk untuk memajukan harta tanah.

[3] Pada 12 November 2012 dan 18 Disember 2016, pemohon memasuki perjanjian-perjanjian dengan Kerajaan Negeri Johor di mana antara lain, pemohon bersetuju untuk menjual semua atau mana-mana lot Bumiputera kepada pembeli Bumiputera. Akan tetapi, jika pemohon tidak dapat menjual kesemua unit-unit Bumiputera kepada pembeli-pembeli Bumiputera, unit-unit Bumiputera itu dapat dijual dan dilepaskan kepada pembeli bukan Bumiputera sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian-perjanjian dipatuhi ("perjanjian-perjanjian").

[4] Menurut kepada perjanjian-perjanjian, pemohon telah memohon kepada Kerajaan Negeri Johor untuk melepaskan unit-unit perumahan Bumiputera kepada bukan Bumiputera. Pemohon membuat sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor sebagai sumbangan dan Kerajaan Negeri Johor bersetuju untuk menerima sumbangan daripada pemohon.

[5] Pada 4 Mac 2020, responden telah menjalankan audit cukai terhadap pemohon. Responden kemudiannya mengeluarkan surat penemuan audit bagi TT 2014 hingga 2017.

[6] Pemohon membalas responden dengan penjelasan yang terperinci. Antara lain, pemohon menjelaskan bahawa sumbangan tersebut adalah pembayaran bagi tujuan pelepasan unit berstatus Bumiputera.

[7] Responden bagaimanapun menolak penjelasan pemohon. Antara lain, responden mendakwa bahawa sumbangan tersebut tidak layak untuk potongan cukai kerana ia merupakan perbelanjaan modal sebagai hak untuk menjual unit Bumiputera.

[8] Pemohon membalas dengan satu surat yang mengekalkan pendirian pemohon bahawa sumbangan tersebut adalah perbelanjaan yang tertakluk kepada potongan di bawah ACP.

[9] Namun, responden tidak menghiraukan penjelasan pemohon dan seterusnya telah mengeluarkan notis taksiran dan notis taksiran tambahan yang dipertikaikan pada 12 Jun 2020 yang keseluruhannya berjumlah RM13,273,903.67.

[10] Tidak berpuas hati dengan keputusan responden tersebut, maka, pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman ini bagi mencabar keputusan tersebut antara lainnya atas alasan-alasan berikut:

(i) Responden telah gagal untuk menghargai bahawa s. 44(6) ACP jelasnya memperuntukkan bahawa apa-apa hadiah wang yang dibuat dalam tahun asas tersebut kepada suatu Kerajaan Negeri atau suatu pihak berkuasa tempatan boleh bagi tahun tersebut untuk mencapai jumlah pendapatan dan sumbangan tersebut merupakan hadiah di bawah peruntukan tersebut.

(ii) Responden juga telah gagal untuk mengambil kira keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Sabah Berjaya Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri* [1999] 3 CLJ 587; [2000] MSTC 3771 yang memutuskan bahawa walaupun bayaran telah dibuat di bawah tekanan, iaitu obligasi kontraktual, ia boleh dibuat secara sukarela; dan oleh itu, merupakan suatu hadiah.

(iii) Responden juga telah tidak mengendahkan prinsip mantap bahawa dalam sesuatu Akta cukai, seseorang hanya perlu meneliti bahasa yang digunakan dan apa yang telah dinyatakan dengan jelas dan tidak terdapat apa-apa yang boleh dibacakan ke dalam atau disiratkan (lihat *National Land Finance Co-operative Society Ltd v. Director General Of Inland Revenue* [1993] 4 CLJ 339).

(iv) Selanjutnya, prinsip bahawa sesuatu peruntukan dalam sesuatu Akta cukai mesti dibaca dengan ketat adalah terikat terhadap Lembaga Hasil Dalam Negeri dan tidak memihak kepadanya. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, ia mesti memihak kepada pembayar cukai.

(v) Responden telah gagal untuk bertanya soalan yang ia sepatutnya bertanya, iaitu sama ada keputusannya mempunyai apa-apa kuasa undang-undang dan perlembagaan; dan dalam alternatif atau secara tambahan, sama ada responden boleh tidak mengambil kira keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah atasan.

Bantahan Jabatan Peguam Negara

[11] Pihak Jabatan Peguam Negara bagaimanapun membantah terhadap permohonan kebenaran semakan kehakiman ini antara lainnya atas alasan-alasan berikut:

(i) Permohonan kebenaran semakan kehakiman ini bersifat remeh dan menyusahkan kerana pemohon telah gagal mematuhi kehendak dan keperluan dalam membuat permohonan kebenaran ini.

(ii) Terdapat remedi dalaman yang gagal diguna pakai oleh pemohon iaitu dengan mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ("PKCP").

(iii) Pemohon yang terkesan dan tidak berpuas hati dengan taksiran di dalam notis-notis taksiran tersebut sepatutnya mengemukakan rayuan kepada PKCP untuk penentuan. Hak untuk merayu telah diperuntukkan di bawah s. 99 ACP.

(iv) Pemohon sepatutnya mengguna pakai kesemua remedi domestik yang diperuntukkan sebelum memfailkan tindakan ini di mahkamah.

(v) Telah menjadi undang-undang yang mantap bahawa sekiranya terdapat remedi domestik yang diperuntukkan, remedi domestik tersebut harus diguna pakai terlebih dahulu dan permohonan semakan kehakiman tidak akan dibenarkan oleh mahkamah selagi remedi domestik tersebut tidak diguna pakai.

Bantahan Responden Putatif

[12] Pihak responden putatif juga membantah terhadap permohonan kebenaran semakan kehakiman ini antara lainnya atas alasan-alasan berikut:

(i) Kebiasaannya, mahkamah tidak akan melayan permohonan semakan kehakiman sekiranya masih terdapat remedi domestik yang belum diguna pakai melainkan jika pemohon dapat membuktikan bahawa kes pemohon jatuh di dalam "keadaan khas" sepertimana yang diputuskan oleh mahkamah atasan.

(ii) Bagi kes-kes cukai, remedi domestik telah diperuntukkan di bawah s. 99 ACP. Pemohon perlu memfailkan rayuan (Borang Q) sepertimana yang diperuntukkan di dalam s. 99 ACP memandangkan pemohon mempertikaikan taksiran yang dibangkitkan oleh responden putatif. Ianya menjadi keperluan undang-undang untuk pemohon mematuhi proses rayuan yang diperuntukkan di bawah s. 99 ACP.

(iii) Apabila terdapat pertikaian berkenaan taksiran yang dibangkitkan sepertimana di dalam kes pemohon di sini, peruntukan undang-undang dengan jelas menyatakan bahawa pihak yang terkesan/terkilan dengan

taksiran yang dibuat terhadapnya boleh mengemukakan rayuan kepada PKCP. Tambahan lagi, pertikaian yang dibangkitkan adalah pertikaian fakta sepertimana di dalam kes di sini.

(iv) Beban pembuktian adalah terletak di atas pemohon untuk membuktikan kesnya di hadapan PKCP sepertimana yang diperuntukkan di perenggan 13 Jadual 5 ACP.

(v) PKCP merupakan hakim fakta sepertimana yang telah diputuskan di dalam kes *Ta Wu Realty Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri & Anor* [2008] 6 CLJ 235; [2009] 1 MLJ 555.

(vi) Berkenaan permohonan penggantungan, permohonan penggantungan tidak seharusnya dibenarkan oleh mahkamah kerana tiada keadaan istimewa yang mewajarkan penggantungan prosiding.

(vii) Permohonan untuk penggantungan mesti disokong dengan "keadaan istimewa" yang jelas.

(viii) Alasan yang dikemukakan untuk penggantungan seperti melibatkan jumlah wang yang besar tidak terjumlah kepada keadaan istimewa.

(ix) Penggantungan prosiding di bawah A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ("KKM 2012") adalah satu undang-undang prosedur.

(x) Peruntukan undang-undang di bawah ACP bagi "recovery" melalui tindakan sivil oleh Kerajaan adalah merupakan undang-undang substantif.

(xi) Undang-undang prosedur tidak boleh mengatasi undang-undang substantif.

Keputusan Mahkamah Ini

Undang-undang Berkaitan Permohonan Untuk Kebenaran Dalam Semakan Kehakiman

[13] Ujian yang terpakai bagi permohonan suatu kebenaran dalam semakan kehakiman menurut A. 53 k. 3 KKM 2012 diputuskan dalam kes *WRP Asia Pacific Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd* [2012] 4 CLJ 478, (FC) di ms. 488, perenggan 12 menyatakan seperti berikut:

> [12] For purposes of its application, the appellant had alluded to the statutory route of O. 53 of the Rules. Under this order two stages are anticipated, with the leave stage being the first, to be followed closely by the substantive hearing after successfully obtaining leave at the High Court. At the leave stage, on a quick perusal of the material available, if the court thinks that subsequently at the substantive hearing stage an arguable case may be disclosed, and the relief sought may be granted, leave should be granted (*IRC v. National Federation of Self-Employed and*

Small Businesses Ltd [1982] AC 617). In Malaysia, the Federal Court in *Mohd Nordin Johan v. The Attorney-General, Malaysia* [1983] 1 CLJ 130; [1983] CLJ (Rep) 271 when allowing the appeal, opined that 'the point taken was not frivolous to merit refusal of leave *in limine* and justified argument on a substantive motion for *certiorari'*. Without the need to go into depth of the abundant authorities, suffice if we state that *leave may be granted if the leave application is not thought of as frivolous, and if leave is granted, an arguable case in favour of granting the relief sought at the substantive hearing may be the resultant outcome. A rider must be attached to the application though ie, unless the matter for judicial review is amenable to judicial review absolutely no success may be envisaged.* (penekanan ditambah)

[14] Kes *Tuan Hj Sarip Hamid & Anor v. Patco Malaysia Bhd* [1995] 3 CLJ 627, (SC), di ms. 633, Mahkamah Agung dalam penghakimannya telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan di England dalam kes *R v. Secretary of State for the Home Department, ex parte Rukshanda Begum* [1990] Crown Office Digest 109, Dip, mengenai ketetapan suatu garis panduan kepada mahkamah dalam mempertimbangkan suatu permohonan untuk kebenaran dalam suatu semakan kehakiman.

... the Court of Appeal in England correctly laid down guidelines to be followed by the Court when considering an application for leave, in the following terms:

(i) The Judge should grant leave if it is clear that there is a point for further investigation on a full *inter partes* basis with all such evidence as is necessary on the facts and all such argument as is necessary on the law.

(ii) If the Judge is satisfied that there is no arguable case he should dismiss the application for leave to move for judicial review.

(iii) If on considering the papers, the Judge comes to the conclusion that he really does not know whether there is or is not an arguable case, the right course is for the Judge to invite the putative respondent to attend and make representations as to whether or not leave should be granted. That *inter partes* leave hearing should not be anywhere near so extensive as a full substantive judicial review hearing. The test to be applied by the Judge at that *inter partes* leave hearing should be analogous to the approach adopted in deciding whether to grant leave to appeal against an arbitrator's award ... namely: if, taking account of a brief argument on either side, the Judge is satisfied that there is a case fit for further consideration, then he should grant leave.

[15] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak v. Peguam Negara & Ors And Another Appeal* [2020] 2 CLJ 73; [2019] MLJU 1176, (CA) juga telah merujuk kes *R v. Secretary of State for the Home Department, ex parte Rukshanda Begum* [1990] Crown Office Digest 109, Dip

mengenai panduan dalam suatu permohonan kebenaran dalam semakan kehakiman. YA Hasnah Mohammed Hashim HMR (pada ketika itu) di dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> [32] The Court of Appeal in *R. v. Secretary of State for the Home Department, ex parte Rukshanda Begum* [1990] Crown Office Digest 109, Dip laid down the guidelines which we find to be useful when considering an application for leave to commence judicial review:
>
> (i) The Judge should grant leave if it is clear that there is a point for further investigation on a full *inter partes* basis with all such evidence as is necessary on the facts and all such argument as is necessary on the law.
>
> (ii) If the Judge is satisfied that there is no arguable case he should dismiss the application for leave to commence judicial review.
>
> (iii) If on considering the application, the Judge comes to the conclusion that she really does not know whether there is or is not an arguable case, the Judge can invite the putative respondent to attend and make representations as to whether or not leave should be granted. The test to be applied by the Judge at that *inter partes* leave hearing should be analogous to the approach adopted in deciding whether to grant leave to appeal against an arbitrator's award, namely: if, taking account of a brief argument on either side, the Judge is satisfied that there is a case fit for further consideration, then he should grant leave.
>
> [33] A Court hearing a judicial review application must determine whether "*prima facie* there is a genuine case for review". **It is accepted that the threshold requirement is low, for leave will only be refused where an application is**:
>
> (i) frivolous and vexatious or hopeless;
>
> (ii) made by busybodies with misguided or trivial complaints of administrative errors;
>
> (iii) misconceived;
>
> (iv) unarguable or groundless;
>
> (v) where there is a more appropriate alternative procedure; or
>
> (vi) where an application for judicial review is an inappropriate procedure. (penekanan ditambah)

Isu

[16] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini iaitu sama ada permohonan kebenaran untuk semakan kehakiman boleh diberikan kepada pemohon sekiranya terdapat remedi alternatif untuk merayu seperti yang diperuntukkan di bawah ACP. Adalah hujahan pemohon bahawa permohonan semakan kehakiman masih boleh dibuat di bawah A. 53 KKM

2012 meskipun terdapat peruntukan remedi domestik di bawah s. 99 ACP 1967 sebagaimana diputuskan di dalam kes *Government Of Malaysia & Anor v. Jagdis Singh* [1987] 1 CLJ 451; [1987] CLJ (Rep) 110; [1987] 2 MLJ 185 iaitu sekiranya pemohon berjaya membuktikan terdapatnya keadaan-keadaan luar biasa wujud seperti:

(i) bertindak di luar bidang kuasa;

(ii) gagal melaksanakan tugas statutori; atau

(iii) pelanggaran serius prinsip keadilan asasi.

Beban pembuktian mengenai keadaan luar biasa atau khas terletak pada pemohon.

[17] Mahkamah merujuk kepada s. 44(6) ACP yang menyebut:

> 44. (6) Subject to subsection (12), *there shall be deducted pursuant to this subsection from the aggregate income of a person for the relevant year reduced by any deduction falling to be made for that year in accordance with subsection (1) an amount equal to any gift of money made by him in the basis year for that year to the Government, a State Government, a local authority or an institution or organization or a fund, approved for the purposes of this section by the Director General on the application of the institution or organization concerned*:
>
> Provided that the amount to be deducted from the aggregate income for the relevant year in respect of any gift of money made to any institution, organization or fund approved for the purposes of this section by the Director General shall not exceed:
>
> (a) in the case of a person other than a company, seven per cent of the aggregate income of that person in the relevant year; or
>
> (b) in the case of a company, ten per cent of the aggregate income of that company in the relevant year.
>
> (penekanan ditambah)

[18] Seksyen 44(6) dengan jelas memperuntukkan bahawa apa-apa hadiah wang yang dibuat dalam tahun asas tersebut kepada suatu Kerajaan Negeri atau suatu pihak berkuasa tempatan boleh dipotongkan bagi tahun tersebut untuk mencapai jumlah pendapatan. Hadiah berbentuk sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor ditunjukkan di dalam surat-surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) seperti berikut:

(i) Surat bertarikh 8 Mei 2014 di perenggan 2.3 (eksh. "HSY-6", ms. 299 afidavit sokongan pemohon).

(ii) Surat bertarikh 7 Ogos 2019 di perenggan 2.3 (eksh. "HSY-6", ms. 302 afidavit sokongan pemohon).

[19] Perjanjian tambahan antara pemohon dan Kerajaan Negeri Johor bertarikh 18 Disember 2016 (eks. "HSY-5" afidavit sokongan pemohon) di perenggan 11(e) juga menyebut:

> e. The Developer shall contribute to the "TABUNG PERUMAHAN BUMIPUTERA NEGERI JOHOR" with the amount equivalent to 7.5% of the price sold to the non-Bumiputera or any other amount stipulated by the Government.

[20] Berdasarkan niat pihak-pihak, jelas, pemohon akan memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor dan sumbangan telah pun diterima oleh Kerajaan Negeri Johor. Tiada di mana-mana surat-menyurat antara kedua pihak menyatakan dengan jelas bahawa bayaran/sumbangan yang dibuat oleh pemohon merupakan suatu denda yang dikenakan ke atas pemohon.

[21] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sabah Berjaya* (*supra*) telah pun memutuskan isu "hadiah" (gift) bahawa walaupun bayaran telah dibuat di bawah tekanan iaitu obligasi kontraktual, ia boleh dibuat secara sukarela, dan oleh itu merupakan suatu hadiah dan selari dengan kehendak s. 44(6) ACP. Responden putatif telah membuat terjemahannya sendiri mengenai maksud "hadiah" di bawah s. 44(6) ACP tersebut. Adalah hujahan pemohon bahawa pengabaian responden putatif dalam memberi kesan kepada perkataan "hadiah" yang diputuskan di dalam kes *Sabah Berjaya* (*supra*) tersebut menunjukkan responden putatif telah bertindak di luar bidang kuasanya dalam mengenakan cukai tambahan kepada pemohon berdasarkan sumbangan yang dibuat oleh pemohon kepada Tabung Perumahan Bumiputera Negeri Johor.

[22] Dalam hal demikian, mahkamah ini berpendapat isu utama di dalam kes ini adalah mengenai persoalan undang-undang iaitu sama ada responden putatif berhak mengabaikan peruntukan s. 44(6) ACP dan keputusan kes *Sabah Berjaya* (*supra*) yang membenarkan potongan dibuat atas sumbangan dan sama ada responden putatif mempunyai sebarang asas undang-undang untuk tidak membenarkan tuntutan pemohon untuk penolakan atas sumbangan yang telah dibuat oleh pemohon kepada Tabung Perumahan Bumiputera Negeri Johor.

[23] Mahkamah ini berpendapat terdapatnya persoalan undang-undang yang menjadi pertikaian untuk ditentukan oleh mahkamah ini khususnya mengenai pemakaian s. 44(6) ACP.

[24] Mahkamah ini berpendapat, pemohon telah berjaya menunjukkan terdapatnya keadaan khas untuk membolehkan kebenaran untuk memulakan prosiding semakan kehakiman diberikan kepada pemohon.

Kesimpulan

[25] Setelah mendengar dan mempertimbangkan permohonan untuk kebenaran semakan kehakiman pemohon dan hujahan pihak Jabatan Peguam Negara, responden putatif dan pemohon sendiri, mahkamah memberikan kebenaran kepada pemohon untuk memulakan prosiding semakan kehakiman terhadap responden. Kos adalah dalam kausa.